



Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dengan sukacita mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan sebagaimana di bawah bagi memenuhi Visi dan Misi KESEDAR.

## 1.0. JAWATAN

1. Pegawai Tadbir Gred N41
2. Pegawai Pertanian Gred G41
3. Akauntan Gred WA41
4. Juruukur Gred J41
5. Penolong Juruukur Gred JA29
6. Penolong Jurutera Gred JA29
7. Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred JA29
8. Penolong Pegawai Tanah Gred NT29
9. Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29
10. Penolong Akauntan Gred W29
11. Penolong Juruaudit Gred W29
12. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19
13. Juru Audio Visual Gred N19
14. Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N19
15. Penyelia Rancangan Tanah Gred G19
16. Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19
17. Juruteknik Komputer Gred FT19
18. Pemandu Kenderaan Gred H11

**2.0. Maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan yang dinyatakan di atas boleh didapati melalui Laman web [www.kesedar.gov.my](http://www.kesedar.gov.my).**

### 3.0. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- i. Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem *online* perjawatan yang boleh didapati dalam laman web KESEDAR di [www.kesedar.gov.my](http://www.kesedar.gov.my).
- ii. Dokumen asal dan salinan yang disahkan oleh Pegawai Kerajaan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Penghulu Mukim perlu dibawa ketika menghadiri tapisan fizikal dan sesi temuduga sekiranya berjaya iaitu sebagaimana berikut:
  - a. Kad Pengenalan;
  - b. Sijil Kelahiran;
  - c. Sijil-sijil persekolahan;
  - d. Kelulusan Akademik (Sijil / Diploma / Ijazah) mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon;
  - e. Transkrip Keputusan Akhir Peperiksaan (Diploma / Ijazah) jika keputusan sebenar belum diterima;
  - f. Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada); dan
  - g. Perakuan bebas daripada kebangkrapan (daripada Jabatan Insolvensi/Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit) dan bebas daripada sebarang perlakuan jenayah/tindakan mahkamah (daripada PDRM).
- iii. Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan dokumen tambahan ketika menghadiri tapisan fizikal dan sesi temuduga sekiranya berjaya iaitu sebagaimana berikut:
  - a. 80% Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini;
  - b. Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) bagi yang berkhidmat kurang daripada satu (1) tahun;
  - c. Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
  - d. Bebas daripada Tindakan Tatatertib (SPRM);
  - e. Isytihar Harta; dan
  - f. Perakuan Bebas daripada kebangkrapan (daripada Jabatan Insolvensi Malaysia/Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit).
- iv. Calon juga dipohon untuk membawa bersama gambar berukuran pasport sebanyak lima (5) keping ketika menghadiri tapisan fizikal dan sesi temuduga sekiranya berjaya.
- v. Permohonan yang lewat diterima dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan dan calon-calon yang disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk melalui semua tapisan pengambilan.
- vi. Tarikh tutup permohonan ialah pada **22 Oktober 2019 (Selasa)**.